

27 JUN 1998

Gerakan-Memorandum

GERAKAN KEMUKA CADANGAN KE ARAH PEMULIHAN EKONOMI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Parti Gerakan Rakyat Malaysia hari ini mengemukakan beberapa cadangan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ke arah pemulihan ekonomi negara.

Memorandum itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan Persidangan Perwakilan tahunan ke-27 Parti Gerakan Kebangsaan di sini hari ini. Dr Mahathir ialah pengerusi MTEN.

Memorandum itu disediakan oleh Biro Ekonomi dan Penyelidikan Kebangsaan parti.

Parti Gerakan antara lain menggesa bagi peningkatan ketelusan dalam penggubalan dasar dan membuat keputusan bagi mengurangkan penyebaran khabar angin yang tidak berasas.

Juga, pertalian antara politik dan perniagaan hendaklah diputuskan dan tidak harus ada unsur-unsur komersil dalam politik dan unsur-unsur politik dalam perdagangan.

"Mengenai pemberian pinjaman oleh bank, pasaran kewangan diselubungi khabar angin bahawa sebahagian daripada pinjaman diberikan berdasarkan pertalian politik dan bukan berdasarkan viabiliti kewangan dan kajian kemungkinan projek", menurut memorandum itu.

Satu lagi isu ialah pemberian kontrak penswastan kepada firma yang mempunyai hubungan politik.

Isyarat yang diberikan ialah pertalian politik lebih diambil kira daripada ciri-ciri keusahawan seperti bekerja keras dan sedia menanggung risiko.

Gerakan juga mencadangkan supaya pemilikan ekuiti diliberalkan lagi sementara peraturan ekuiti seperti termaktub di bawah Dasar Ekonomi Baru dilonggarkan.

Mengenai dasar kewangan, memorandum itu menyebut bahawa kadar faedah tidak harus dibenar mencapai satu tahap (pada masa ini kos dana setinggi 20 peratus), dan bimbang bahawa pelaburan dalam sektor utama seperti pengeluaran makanan, perumahan kos rendah dan sederhana, pembangunan sumber manusia, pembuatan bagi eksport dan pelancongan akan menurun.

Ia menyatakan bahawa pengajaran daripada krisis sekarang ialah kerajaan tidak boleh dan tidak harus membenarkan liberalisasi modal tanpa sokongan dan pemantauan institusi yang secukupnya.

Mengenai penswastan, Gerakan berpendapat bahawa kuasa untuk membuat keputusan sama ada hendak menswastakan atau tidak, kaedah penswastan dan peraturan selepas diswastakan, harus dikongsi di kalangan beberapa agensi dan kementerian.

Gerakan berpendapat ia tidak harus tertumpu kepada Unit Perancang Ekonomi sahaja.

-- BERNAMA

SHO SHY